

PENERIMAAN PELAJAR USIM TERHADAP KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA: SATU ANALISIS DESKRIPTIF

Latifah Abdul Latiffi, Ros Aiza Mohd Mokhtarⁱⁱ & Abd Hakim Mohadⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Pusat Pengajian Teras (PPT), USIM. latifah@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM.

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM.

Abstrak

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan satu kursus baharu yang telah mula diperkenalkan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bermula September 2019. Kursus ini wajib diambil oleh semua pelajar IPT termasuklah pelajar USIM. Apabila disebut tentang falsafah, sudah pasti ramai yang terbayangkan ahli falsafah Barat yang terkenal seperti Plato dan Aristotle serta pelbagai teori falsafah. Pada pandangan umum, falsafah merupakan satu subjek yang sukar dikuasai. Memandangkan FIS adalah satu kursus baharu, justeru, kajian ini dilihat bertepatan dan sesuai dilakukan bagi mengkaji penerimaan pelajar terhadap kursus FIS yang telah mereka ambil pada semester 1, 2019/2020 yang lalu semasa berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan menganalisis secara deskriptif penerimaan pelajar USIM terhadap kursus ini dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan penerimaan pelajar terhadap kursus FIS adalah tinggi dan positif. Input kajian ini penting untuk dikongsi bersama dengan tenaga pengajar FIS bagi menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) FIS pada masa hadapan. Ini penting bagi memastikan kursus ini terus mendapat tempat dalam kalangan pelajar serta menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menarik.

Kata kunci: Penerimaan pelajar, FIS, USIM, Pensyarah.

1.0 PENGENALAN

Kursus Falsafah dan Isu Semasa merupakan satu kursus baharu yang diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Ia merupakan satu kursus yang dibangunkan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang Ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Penghayatan terhadap perkara ini mampu melahirkan pelajar yang kritis sebagai persediaan kepada mereka bagi menghadapi isu-isu kontemporari dalam kehidupan mereka. Kajian soal selidik ini dijalankan bagi

mendapatkan input daripada pelajar USIM tahun satu, semester 2, sesi pengajian 2019/2020 yang telah mengambil kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) berhubung penerimaan dan pandangan mereka terhadap kursus baharu ini. Dapatan kajian ini penting bagi membantu proses kelancaran PdP kursus ini pada semester akan datang.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai penerimaan pelajar terhadap sesuatu ilmu atau kursus khususnya kursus falsafah tidak banyak dilakukan. Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan satu kursus baharu yang mula diperkenalkan di institusi pengajian tinggi (IPT) sejak September 2019. Apabila disebut tentang falsafah tidak ramai dalam kalangan pelajar yang menggemari subjek ini. Namun, kursus ini telah dijadikan sebagai mata pelajaran umum (MPU) yang wajib diambil oleh semua pelajar universiti. Antara kandungan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) ialah pelajar diajar tentang peranan logik dan pencegahan falasi iaitu kesalahan dalam berfikir. Selain itu pelajar juga diajar tentang deduksi dan induksi serta pelbagai metodologi penghasilan ilmu dan metodologi pembinaan ilmu pengetahuan. Silibus kursus ini dilihat penting dalam memberi panduan dan mengajar pelajar tentang cara berfikir secara logik. Ia berupaya membantu pelajar mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam menyelesaikan aktiviti tugas yang diberikan dalam kuliah. Malah secara tidak langsung pelajar dapat menggunakan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian mereka.

Kajian mengenai tahap penerimaan pelajar terhadap sesuatu kursus dilakukan bagi mengkaji tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan dalam kalangan pelajar. Kajian penerimaan pelajar dilakukan oleh Nazri dan Abdul Latif (2012) mengkaji tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Dapatan kajian yang dilakukan terhadap 800 pelajar sebagai responden kajian menunjukkan bahawa tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tinggi. Jumali et.al (2012) mengkaji tahap kefahaman pelajar terhadap pelaksanaan kokurikulum berasaskan kontrak pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman responden adalah sederhana dengan nilai min antara 3.29 hingga 3.48. Manakala Agatha et al. (2016) pula mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Guru di Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran di pengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya manfaat dan mudah guna yang diperoleh daripada e-pembelajaran serta

penjimatan masa dan kandungan kursus yang mudah dan bersesuaian dengan tugas. Responden menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi terhadap e-pembelajaran.

Kajian penerimaan pelajar terhadap sesuatu kursus turut dilakukan oleh sekumpulan penyelidik berkenaan penerimaan pelajar terhadap kursus Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terhadap pembelajaran Teradun berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). Dapatan kajian menunjukkan pelajar memberi responden positif terhadap pendekatan pembelajaran teradun bagi kursus Bahasa Arab (Mohammad Taufiq et.al, 2019). Kajian penerimaan pelajar turut dilakukan terhadap Modul Pembelajaran MOOCS bagi kursus TITAS di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan dapatan kajian menunjukkan pelajar UMS memberi respon positif terhadap Modul Pembelajaran MOOCS TITAS (Ros Aiza et.al, 2018).

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Soal selidik dijadikan sebagai instrumen bagi mendapatkan data daripada pelajar. Soal selidik dibina berpandukan kepada *Attitude/Motivation Test Battery* (AMTB) yang diperkenalkan oleh Gardner (2004). Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu; demografi responden dan persepsi pelajar terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar tahun satu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui borang *google form* secara atas talian. Sebanyak 526 borang soal selidik telah dikembalikan dan dianalisis. Prosedur persampelan berstrata digunakan dalam kajian ini dengan membuat pemilihan secara rawak iaitu pelajar tahun 1 sesi 2019/2020 daripada 6 fakulti yang terdiri daripada aliran sains dan sains sosial. Item dalam instrumen diukur dengan menggunakan skala (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Agak Setuju (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju. Skala interpretasi skor min adalah berpandukan kepada Bahaman dan Turiman (1993).

Jadual 1: Skala Interpretasi Skor Min

| Rendah | Sederhana | Tinggi |
|----------|-------------|----------|
| 1 – 2.33 | 2.34 – 3.66 | 3.67 – 5 |

4.0 DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 526 pelajar tahun satu USIM yang telah mengambil kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) pada semester 1, 2019/2020. Perincian berkenaan maklumat demografi responden dalam kajian ini diringkaskan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Demografi Responden

| Perkara | Perincian | Kekerapan | Peratus (%) |
|---------|---|-----------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 131 | 24.9 |
| | Wanita | 395 | 75.1 |
| Fakulti | Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) | 6 | 1.1 |
| | | 194 | 36.9 |
| | Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) | 97 | 18.4 |
| | | 1 | 0.2 |
| | Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) | 158 | 30.0 |
| | Fakulti Pergigian (FPg) | 70 | 13.3 |
| | Fakulti Sains dan Teknologi (FST) | | |
| | Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) | | |

4.1 ANALISIS DESKRIPTIF


Jadual 3

| Konstruk | Skor Min | Sisihan Piawai | Interpretasi Min |
|---------------|----------|----------------|------------------|
| Faktor Kursus | 4.4441 | 0.49928 | Tinggi |

Jadual 4 dan graf di bawah menunjukkan tanggapan pelajar bahawa “Kursus FIS bermanfaat” adalah sangat positif. 56.6% bersamaan 297 pelajar sangat setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 37.8% iaitu 199 pelajar setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 5.5% yang agak setuju bahawa Kursus FIS bermanfaat. Namun, 0.2% iaitu seorang pelajar tidak setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 4: F3- Subjek FIS bermanfaat

| | Kekerapan | % | Min |
|---------------|-----------|------|------|
| Tidak Setuju | 1 | .2 | 4.51 |
| Agak Setuju | 29 | 5.5 | |
| Setuju | 199 | 37.8 | |
| Sangat Setuju | 297 | 56.5 | |




Jadual 5 dan graf berikut menunjukkan dapatan persepi pelajar yang berpandangan bahawa kursus FIS boleh membantu mereka meningkatkan PNGK. Sejumlah 220 pelajar iaitu 41.8% sangat setuju dengan tanggapan ini diikuti dengan 235 pelajar yang setuju dengan pernyataan ini dan 68 orang iaitu 12.9% agak setuju bahawa kursus FIS dapat membantu menaikkan PNGK mereka. Hanya 0.4% iaitu 2 pelajar tidak setuju dengan pernyataan ini diikuti 0.2% iaitu seorang pelajar sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 5: F4- Subjek FIS boleh membantu saya meningkatkan PNGK

| | Kekerapan | % | Min |
|---------------------|-----------|------|------|
| Sangat Tidak Setuju | 1 | .2 | 4.28 |
| Tidak Setuju | 2 | .4 | |
| Agak Setuju | 68 | 12.9 | |
| Setuju | 235 | 44.7 | |
| Sangat Setuju | 220 | 41.8 | |


F4- Subjek FIS boleh membantu saya meningkatkan PNGK.



Jadual 6 dan graf berikut menunjukkan 280 pelajar bersamaan 53.2% sangat setuju dengan pernyataan bahawa Kursus FIS dapat meningkatkan kefahaman mereka tentang kepentingan mengetahui sumber ilmu. Ini diikuti dengan 212 pelajar iaitu 40.3% yang setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 6.5% iaitu 34 pelajar yang agak setuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 6: F5- Kursus FIS dapat meningkatkan kefahaman saya tentang pentingnya mengetahui sumber ilmu bagi sesuatu perkara.

| | Kekerapan | % | Min |
|---------------|-----------|------|------|
| Agak Setuju | 34 | 6.5 | 4.47 |
| Setuju | 212 | 40.3 | |
| Sangat Setuju | 280 | 53.2 | |




Daripada Jadual 7 dan graf berikut jelas menunjukkan bahawa pelajar setuju dengan tanggapan bahawa Kursus FIS meningkatkan kesedaran pelajar tentang keperluan membebaskan diri daripada ideologi moden dan pasca moden. 51.1% iaitu 269 pelajar sangat setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 43.5% iaitu seramai 229 pelajar setuju dengan pernyataan. 4.9% iaitu 26 pelajar agak setuju. Manakala 0.4% iaitu 2 pelajar tidak setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 7: F6- Kursus FIS meningkat kesedaran pelajar tentang keperluan membebaskan diri daripada ideologi modenisme dan pascamodenisme Barat.

| | Kekerapan | % | Min |
|---------------|-----------|------|------|
| Tidak Setuju | 2 | .4 | 4.45 |
| Agak Setuju | 26 | 4.9 | |
| Setuju | 229 | 43.5 | |
| Sangat Setuju | 269 | 51.1 | |

F6- Kursus FIS meningkat kesedaran pelajar tentang keperluan membebaskan diri daripada ideologi modenisme dan pascamodenisme Barat.




Jadual 8 dan graf di bawah menunjukkan dapatan kajian bahawa Kursus FIS menjadikan pelajar lebih prihatin tentang isu semasa. 45.2% pelajar iaitu sejumlah 238 orang sangat setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 48.1% iaitu 253 orang turut setuju dengan pernyataan ini. 33 pelajar iaitu 6.3% agak setuju dengan pernyataan ini. Manakala 0.4% iaitu seramai 2 pelajar tidak setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 8: F7- Kursus FIS menjadikan saya seorang yang lebih prihatin tentang isu semasa.

| | Kekerapan | % | Min |
|---------------|-----------|------|------|
| Tidak Setuju | 2 | .4 | 4.38 |
| Agak Setuju | 33 | 6.3 | |
| Setuju | 253 | 48.1 | |
| Sangat Setuju | 238 | 45.2 | |

F7- Kursus FIS menjadikan saya seorang yang lebih prihatin tentang isu semasa.




Jadual 9 dan graf berikut menunjukkan dapatan kajian bagi pernyataan bahawa “Kursus FIS menjadikan pelajar lebih dekat dengan alam dan penciptaNya” mendapat respon yang positif daripada pelajar dengan 53.4% iaitu 281 orang sangat setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 217 iaitu 41.3% pelajar setuju dengan pernyataan ini dan 5.3% pelajar iaitu 28 orang agak setuju dengan pernyataan ini. Tiada pelajar yang tidak setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 9: F8- Kursus FIS menjadikan pelajar lebih dekat dengan alam dan penciptaNya.

| | Kekerapan | % | Min |
|---------------|-----------|------|------|
| Agak Setuju | 28 | 5.3 | 4.48 |
| Setuju | 217 | 41.3 | |
| Sangat Setuju | 281 | 53.4 | |


F8- Kursus FIS menjadikan pelajar lebih dekat dengan alam dan penciptaNya.



Jadual 10 dan graf berikut menunjukkan 59.5% pelajar iaitu 313 orang sangat setuju dengan pernyataan bahawa “Kursus FIS dapat menambah aktiviti berfikir dalam kalangan pelajar” diikuti dengan 35.2% iaitu 185 orang setuju dengan pernyataan ini dan 5.3% iaitu 28 orang agak setuju dengan pernyataan ini. Tiada pelajar yang tidak setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 10: F9- Kursus FIS menambah aktiviti berfikir dalam kalangan pelajar.

| | Kekerapan | % | Min |
|---------------|-----------|------|------|
| Agak Setuju | 28 | 5.3 | 4.54 |
| Setuju | 185 | 35.2 | |
| Sangat Setuju | 313 | 59.5 | |



PERBINCANGAN

Kajian mendapati kebanyakan pelajar yang mengambil Kursus FIS pada semester 1, 2019/2020 dapat menerima kursus ini dengan baik dan respon yang diberikan oleh mereka terhadap kursus ini adalah positif. Secara keseluruhannya, data yang diperolehi menunjukkan bahawa skor min adalah antara 4.28 ke 4.54 bagi semua item. Min tertinggi ialah bagi item “Kursus FIS menambah aktiviti berfikir dalam kalangan pelajar”. Peratus responden yang menjawab sangat setuju adalah sangat tinggi iaitu 59.5% dengan skor min 4.54. Ini menunjukkan pensyarah FIS telah melakukan aktiviti yang menggalakkan pelajar berfikir seperti kajian kes dan analisis video di mana pelajar telah mengaplikasikan kemahiran berfikir secara logik yang mereka pelajari dalam kursus ini dalam menyelesaikan aktiviti-aktiviti tersebut.

Manakala skor min terendah ialah bagi item “Subjek FIS boleh membantu saya meningkatkan PNGK” dengan min 4.28. Peratus responden yang menjawab sangat setuju agak tinggi iaitu 41.8% seramai 220 diikuti dengan peratus responden yang setuju dengan pernyataan ini sebanyak 44.7% iaitu seramai 235 pelajar dan agak setuju 12.9% dengan 68 pelajar. Hanya 0.6 peratus pelajar iaitu seramai 3 orang yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa selain daripada

mempelajari cara berfikir secara logik, para pelajar juga berharap dapat mencapai keputusan yang baik bagi kursus ini.

Kemahiran berfikir banyak membantu pelajar dalam kursus FIS dari segi menyelesaikan tugas dan aktiviti berkaitan dengan kursus. Malah pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir secara logik dalam kursus yang lain dan juga dalam kehidupan seharian mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan pelajar memberi respon yang positif terhadap konstruk-konstruk kajian berhubung penerimaan mereka terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Dapatan ini penting untuk dijadikan sebagai panduan kepada pensyarah bagi tujuan penambahbaikan kursus FIS agar ia dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari kursus ini. Ini juga dapat membuang persepsi negatif dalam kalangan pelajar bahawa kursus Falsafah adalah suatu subjek yang sukar. Justeru, dapatan kajian dapat dijadikan sebagai kayu ukur dalam menilai tahap penerimaan dan tanggapan pelajar terhadap kursus FIS. Penambahbaikan boleh dilakukan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) lebih berkesan dan interaktif bagi menarik minat belajar pelajar. Aktiviti atau kerja kursus yang bersesuaian dan terkini dapat dilaksanakan bagi memastikan pelajar memahami dan menghayati kepentingan mempelajari kursus falsafah agar mereka dapat mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka.

RUJUKAN

- Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL*, Vol. 13. 1-14.
- Bahaman Abu Samah & Turiman Suandi. (1999). *Statistic for Social Research with Computer Application*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Gardner. R. C. (2004). "Attitude/Motivation Test Battery: International AMTB Research Project." The University of Western Ontario, Canada. <https://publish.uwo.ca/~gardner/docs/englishamtb.pdf>

- Jumali Hj Selamat, Khaidzir Hj Ismail, Kadaruddin Aiyub, Kadir Arifin, Lukman Z. Mohamad,
Roslee Rajikan, Azahan Awang, Mohd. Helmi Abd Rahim, Farhana Abdullah & Nur Ain Kamal. (2012). Tahap Kefahaman dan Penerimaan Pelajar Tahun 2 Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Kontrak Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15 (2012): 35-43.
- Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Wan Ab Aziz Wan Daud & Mohammad Najib Jaffar. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1),m/s. 84-94. eISSN: 2600-8971. www.uniszajournals.com/apj
- Nazri Muslim & Abdul Latif Samian. (2012). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan, *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 30(1), 2012: 3 – 273.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar, Abd Hakim Mohad, Mashitah Sulaiman and Latifah Abdul Latiff. (2018). Students' Acceptance of the TITAS MOOCS Learning Module in University Malaysia Sabah. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)* 9(8). m/s. 487–495, <http://www.iaeme.com/ijciet/issues.asp?JType=IJCIET&VType=9&IType=8>